

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL (SEKIJANG) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini berkaitan program sarapan percuma dan program susu sekolah untuk murid-murid sekolah rendah di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus melaksanakan program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) kepada murid B40 yang layak di sekolah rendah. Perkara ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 15 Januari 2020 untuk tidak meneruskan Program Sarapan Pagi (PSP) dan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) diteruskan dengan penambahbaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menambah baik pelaksanaan program RMT dengan pemberian susu pada setiap hari berbanding 2 kali seminggu sebelum ini. Melalui pelaksanaan ini, murid dibekalkan dengan keperluan nutrien lengkap yang diperlukan bagi membantu pertumbuhan yang sihat sebagaimana yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

KPM yakin pelaksanaan RMT memberi kesan baik kepada murid sekolah rendah khususnya dari luar bandar dan golongan berpendapatan rendah bagi memperbaiki keadaan kesihatan, fizikal dan amalan pemakanan yang sihat.